



Hidup tanpa tunai



DUNIA
BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Ogos lalu, ketika saya kalut membuka dompet untuk mengeluarkan wang bagi membayar harga beberapa naskhah buku, seorang kawan yang bersama saya secara sinis berkata, “Sekarang ni zaman *cashless*, bos. Yang guna duit tunai ni orang zaman purba saja.”

Dua tiga minggu lepas ketika hendak mengisi minyak di sebuah stesen, saya ternampak dia berdiri di tepi salah satu pam, kelihatan menggelabah. Sebaik ternampak saya, dia meluru datang.

“Kad saya ada masalah. Cip rosak agaknya, tak boleh proses. Bagi saya pinjam sekejap lima enam puluh ringgit. Nak isi minyak,” katanya.

“Tak ada tunai. Sekarang ni zaman *cashless*, bos,” saya menyakat. Tetapi kerana saya ini orang budiman, saya hulurkan juga jumlah yang dia minta. Saya sempat jeling sekejap duit itu. Saya tahu, pergiinya tidak akan kembali...

Sebenarnya bagi saya *cashless* bukan benda baharu. Zaman bekerja sebagai mat despatch dahulu ia menjadi

sebahagian daripada hidup saya. Hanya ejaannya berbeza. Ia ditulis ‘*cash less*’. Maksudnya pula bukan tanpa tunai, tetapi kurang tunai. Itulah yang saya alami pada pertengahan bulan. Kalau hujung bulan terus ‘*no cash*’.

Sekarang ini setelah *cashless* menjadi budaya, saya turut mengamalkannya. Tetapi sebagai persediaan, saya bawa juga sedikit wang tunai. Tidak seperti sebahagian orang yang bergantung pada kad dan perbankan dalam talian semata-mata sehingga ada yang tidak pernah menyentuh not ringgit atau syiling selama berminggu-minggu, berbulan-bulan.

Cara hidup tanpa tunai ini bermula pada awal 1990-an apabila penggunaan perbankan elektronik kian meluas. Tetapi penggunaannya ketika itu sangat terbatas. Hanya lebih sedekad kemudian barulah berkembang seiring dengan perkembangan teknologi internet. Ketika itu muncullah pengantara-pengantara bayaran seperti *Paypal* dan *Apple Pay* mengiringi kad-kad elektronik dan perbankan dalam talian.

Peningkatan urusan tanpa tunai secara langsung menyebabkan pengedaran wang fizikal (not dan syiling) berkurangan sedikit demi sedikit. Menurut laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi tahun 2019, jumlah mata wang fizikal dalam edaran di seluruh dunia dianggarkan bernilai AS\$5.2 trilion (RM24.2 trilion) manakala Boston Consulting Group pula

menganggarkan AS\$27.5 trilion (RM128.4 trilion) lagi beredar dalam bentuk elektronik dan digital. Demikianlah besar perbezaannya dan jurang itu terus melebar.

Bukan mustahil suatu masa nanti wang kertas dan syiling hanya boleh dilihat di muzium. Memang diakui berurusan tanpa tunai banyak manfaatnya. Contohnya, ketika era pandemik Covid-19 tempoh hari, ia membantu kita mengurangkan risiko bersentuhan.

“Tanpa tunai” membolehkan kita bebas ke mana-mana tanpa risau wang kita dirompak. Jika dompet tercicir sekalipun, kita tidaklah perlu menggelabah sangat. Kalau setakat kad bank sahaja yang ada di dalamnya, kita boleh minta pihak berkenaan nyah aktifkan. Kawan rakan hendak meminjam pun, susahlah sedikit.

Memanglah akan ada yang bagi nombor akaun supaya ‘tolong *transfer* kejaip’, namun risiko untuk memberi pinjam itu tidaklah sebesar ketika membawa wang tunai.

Bagi yang berniaga, transaksi tanpa tunai menjimatkan banyak perkara. Tidak perlu membilang duit, tidak perlu sorok-sorokkan, tidak perlu membawanya ke bank untuk disimpan dan kemudian pergi lagi untuk mengeluarkannya.

Dengan transaksi tanpa tunai kita juga mudah mengesan butiran keluar masuk wang kita. Kalau menggunakan wang tunai kemudian mengharapdaya ingatan semula jadi untuk mengingat apa

yang dibeli dua hari lepas, Albert Einstein pun belum tentu mampu.

Itu kebbaikannya. Yang buruk pun banyak. Antaranya, ia menyukarkan kita mengawal nafsu. Nampak yang itu hendak, nampak yang ini teringin. Maklumlah ketika membayar kita tidak terasa mengeluarkan wang yang banyak. Lain jika bayar secara tunai. Hendak hulurkan lima ratus pun terketar-ketar.

Bekalan elektrik terputus, tiada akses internet atau akses tidak lancar, terminal pembaca kad rosak, sistem tergendala, peranti rosak atau hilang, adalah keburukan lain yang terdapat dalam urusan tanpa tunai. Selain itu ia menyulitkan kelompok tertentu seperti golongan berusia lanjut dan mereka yang tidak celik teknologi. Yang lebih buruk lagi, ia mendedahkan bukan sahaja butiran akaun kita, tetapi juga data peribadi di ruang siber yang berisiko diceroboh oleh penjenayah-penjenayah licik sebagaimana banyak terjadi sekarang.

Namun itulah hakikat hidup. Kebaikan dan keburukan sentiasa datang bersama. Pandai-pandailah menilai dan memilih. Walau apa pun ingat satu perkara: biar hidup tanpa tunai tapi jangan tak tunai-kan apa yang ALLAH suruh. Berdosa tau. #dush!

**Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.*

Siapakah dia peminat buku?



MAAF
CAKAP

NORDEN MOHAMED

Hujung minggu lalu berlangsung temasya Buku dan Kopi anjuran kedai buku saya, Iqraread di Malakat Mall. Kami sengaja menggandingkan kopi dan buku kerana minuman ini kian popular. Ia juga gandingan yang bagus untuk meramaikan pengunjung ke temasya itu.

Sesi memperkenalkan sebuah buku resipi *Coffee Mate* dihadiri dua orang penulisnya iaitu Cef Sue M Arukin dan Cef Faizal Azzuri. Selepas memperkenalkan buku, mereka membuat demo menyediakan kopi. Sambil memerhati Cef Faizal menjerang air, mengisar kopi, mencurahkan air panas ke serbuk kopi secara sedikit demi sedikit, menunggu air kopi menitis ke dalam jag sebelum dituang lagi air panas, saya berasakan ia berbeza sekali dengan cara saya, orang marhaen membuat kopi.

Saya akan jerang air dan tinggalkan cerek di dapur untuk terus buat kerja. Bila

cerek bersiul, saya buka pekot kopi 3+1, curah ke dalam kole, tuang air panas, kacau dengan sudu dengan lajunya, lalu terus meniup air sebelum meneguk.

Tetapi cara Cef Faizal sungguh tenang, sabar dan teliti. 15 minit menanti, minuman kopinya masih belum siap. Bila dia mencurahkan air kopi ke dalam gelas kecil dan disuakan kepada saya untuk mencuba, saya turut hirup sedikit demi sedikit dengan penuh gaya.

Pada saat itu saya terfikir, bagaimana minum kopi kini menjadi satu hobi yang ada kelas. Malah, ada di kalangan teman dan saudara-mara saya yang sudah ada mesin membuat kopi di rumah. Cara mereka menyediakan kopi pun sama juga seperti Cef Faizal; tenang, sabar dan teliti. Saya terfikir bagaimana minuman yang *simple* itu kini menjadi satu hobi yang kian popular. Para penggemarnya pun menikmatinya dengan penuh gaya.

Bagaimana sebuah hobi itu bisa mengangkat sesuatu yang biasa-biasa menjadi sesuatu luar kebiasaan? Bila ia menjadi hobi, seseorang sanggup berbelanja dan memperuntukkan masa untuk menikmatinya. Jika kita lihat pada hobi-hobi lain seperti bermain golf, ia melibatkan penyediaan set stik golf dari besi atau kayu untuk pukulan jarak jauh, *tee-shot* dan *drive*. Jenis

pakaian, kasut, cap dan tas perlu dipilih untuk disesuaikan dengan hobi ini.

Memancing sebagai satu hobi pun memerlukan peralatan khusus seperti joran, kekili, jenis tali memancing, jenis ikatan pada kail, pemberat, pelampung atau umpan untuk jenis tangkapan. Jangan lupa, mereka yang mempunyai hobi memasak perlu mempunyai pelbagai jenis pisau, pengisar, pembancuh, pengasah, pembuang sisik, tapis, termasuk juga jenis-jenis periuk, kuai, mangkuk, pinggan dan piring, sudu serta garpu untuk seni hidangan pula.

Bila merenung tentang mereka yang mempunyai pelbagai hobi, timbul pula persoalan di dalam fikiran saya – bagaimana pula jika seseorang itu menjadikan membaca itu sebagai hobinya?

Lazimnya kita akan dapati dia akan selalu membeli buku, membaca dan menyimpannya di dalam almari ataupun rak. Mungkin mereka yang canggih sedikit mempunyai khutub khanah di rumah, menyimpan penanda buku, lampu suluh kecil yang diselit pada buku untuk membaca di dalam gelap. Maknanya, seseorang yang menjadikan membaca sebagai sebuah hobi tidak punyai pelbagai peralatan atau gajet untuk menjadikan membaca sebagai satu hobi yang berprestij.

Bukankah membaca itu sebuah hobi

yang berprestij? Apakah kerana ia tiada segala peralatan dan gajet, ia terhalang menjadi satu hobi yang popular? Apatah lagi bila ia tidak menjadi hobi yang popular, ia tidak mempunyai kabilah dan *sub-culture* sepertimana mereka yang meminati golf, memancing, memasak atau membuat kopi.

Golongan peminat buku adalah golongan yang *introvert*. Mereka adalah manusia yang unik. Apabila mereka menutup buku, mereka masuk ke dalam dunia nyata, tidak bercakap mengenai apa yang dia baca kecuali dengan mereka yang mempunyai hobi sama sepertinya.

Namun, oleh kerana membaca adalah hobi yang menyendiri, ia tidak menangkap ramai orang untuk menyukainya. Benar, buku sentiasa mempunyai khalayak. Malah, mereka yang mempunyai hobi lain turut membaca buku. Tetapi oleh kerana ia bersifat kontan iaitu segera dan sambil-sambilan, ia tidak menjadi kegilaan ramai.

Jika begitu, membaca buku masih belum menjadi satu budaya kerana ia belum lagi menampilkan personaliti khusus kabilahnya. Ia hanya tersembunyi dan hanya riuh rendah di sarang pemikiran pengamal hobinya.

**Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*